

SOALAN NO: 245

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2016
SOALAN :

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar kematian bagi penyakit-penyakit seperti barah, HIV dan kencing manis mengikut pecahan jenis dan tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Petunjuk Kesihatan 2015 yang terkini diterbitkan oleh Pusat Informatik Kesihatan, bilangan kematian semua jenis penyakit barah di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2014 adalah sebanyak 5,732. Dengan izin *Malignant Neoplasms of Digestive Organs* mencatatkan kadar kematian tertinggi iaitu 4.18 bagi setiap 100,000 penduduk. Manakala dengan izin *Malignant Neoplasms of III-defined, Secondary and Unspecified sites* mencatatkan kadar kematian kedua tertinggi iaitu 3.51 bagi 100,000 penduduk.

Kadar kematian ketiga tertinggi dicatat oleh dengan izin *Malignant Neoplasms of Respiratory and Intrathoracic Organs* sebanyak 3.00 bagi setiap 100,000 penduduk. Dengan izin *Malignant Neoplasms of Bone, Connective tissue, Skin and Breast* mencatat kadar kematian keempat tertinggi iaitu 2.16 bagi setiap 100,000 penduduk. Kadar kematian bagi dengan izin *Malignant Neoplasms of Lymphoid, Haematopoietic and related tissue* mencatat kadar kematian kelima tertinggi iaitu 2.06 bagi setiap 100,000 penduduk.

Tuan Yang di Pertua,

Di Malaysia, bilangan terkumpul kematian disebabkan oleh HIV/AIDS yang dilaporkan sejak tahun 1986 sehingga Jun 2016 adalah sebanyak 18,397 kes. Bagi tahun 2015 sahaja, sebanyak 820 kematian HIV/AIDS telah dilaporkan dengan kadar notifikasi kes kematian HIV/AIDS mencatatkan 2.69 bagi setiap 100,000 penduduk. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 pula, jumlah kes kematian HIV/AIDS yang dilaporkan adalah sebanyak 481 kes dan berdasarkan pemantauan ini, adalah dijangkakan sebanyak 962 kematian HIV/AIDS akan dilaporkan sepanjang tahun 2016 dengan kadar notifikasi kematian HIV/AIDS 3.12 bagi setiap 100,000 penduduk.

Tuan Yang di Pertua,

Secara umumnya, jumlah kematian HIV/AIDS di Malaysia sudah menunjukkan penurunan berbanding tahun 2007 di mana negara mencatat bilangan kes tertinggi iaitu 1,374 kes. Kerajaan telah mengambil langkah - langkah bagi menangani kematian HIV/AIDS sejak tahun 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara

ini. Langkah – langkah pencegahan, kawalan, rawatan dan sokongan bagi HIV/AIDS ini dilaksanakan sepetimana yang digariskan dalam beberapa siri Pelan Tindakan HIV/AIDS diikuti dengan Pelan Strategik Kebangsaan mengenai AIDS dan yang terkini Pelan Strategik Kebangsaan bagi Mengakhiri AIDS 2016-2030.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tahun 2014, kadar kematian bagi penyakit kencing manis atau Diabetes Mellitus adalah tiga (3) peratus atau 4,380 kes dari keseluruhan jumlah kematian akibat penyakit tidak berjangkit iaitu 146,000.